

23/08/1998

KIK: Rakyat Malaysia bersatu

MUAR: Singapura tersilap jika ingin melihat rakyat berbilang kaum di negara ini berpecah-belah dengan memindahkan pusat pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) dari Tanjong Pagar ke Woodlands, kata Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman.

Beliau berkata, sebaliknya perpaduan rakyat semakin kukuh berikutan ketegasan kerajaan Malaysia mengekalkan pusat KIKnya di Stesen Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) Tanjong Pagar.

Selain itu, katanya, tindakan Singapura menuduh pemimpin negara ini sengaja mengungkit secara berlebihan mengenai isu itu, jelas menunjukkan sikap sebenar yang tersirat di kalangan pemimpin republik berkenaan.

Beliau menegaskan walaupun pelbagai tuduhan dilemparkan, semua lapisan rakyat negara ini berdiri teguh di belakang kerajaan dan menyokong ketegasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani isu pemindahan KIK.

"Adalah tidak benar dakwaan Singapura bahawa isu Tanjong Pagar diungkit sebegitu rupa pada hal mereka yang mengeluarkan pelbagai kenyataan memburukkan negara ini.

"Kenyataan berbau perkauman itu semata-mata ingin melihat rakyat negara ini berpecah-belah. Namun jangkaan mereka meleset kerana perpaduan di kalangan rakyat dari Sabah ke Perlis semakin kukuh," katanya.

Beliau berucap pada majlis pelancaran kempen pengibaratan bendera sempena sambutan Hari Kemerdekaan 1998 Peringkat Negeri di Dataran Tanjong Emas di sini, semalam.

Turut hadir ialah Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Hal Ehwat Wanita dan Kebajikan Masyarakat negeri, Halimah Mohamad Sadique.

Abdul Ghani berkata, kempen pengibaratan bendera itu perlu dijadikan simbolik bagi mengukuhkan lagi semangat perjuangan rakyat negara ini.

Menurutnya, rakyat perlu menyokong kepemimpinan kerajaan dalam usaha menangkis penjajahan bentuk baru kuasa besar yang ingin menjatuhkan ekonomi negara Asia.

Sehubungan itu, katanya, bentuk sambutan Hari Kemerdekaan kali ini agak berlainan kerana diadakan ketika kedaulatan dan maruah negara hampir tergugat berikutan tindakan kuasa asing untuk menjajah semula negara ini.

"Berikutan itu rakyat perlu bersatu padu kerana hanya melalui perpaduan dapat mengekalkan kebebasan dan kesejahteraan serta maruah negara daripada dicemari pihak asing," katanya.

(END)